KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI DAN MERASMIKAN PEJABAT BAHARU CTCS WORLDWIDE SDN BHD (CTCS)

YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi pada hari ini telah menyempurnakan perasmian pejabat baharu CTCS Worldwide Sdn. Bhd. (CTCS) di Menara PGRM 2, Cheras, Kuala Lumpur. Majlis perasmian ini turut diadakan bersempena dengan sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri yang dihadiri oleh pegawai kanan kementerian, wakil agensi dan pemain industri perkayuan.

CTCS Worldwide Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat milik penuh MTIB yang ditubuhkan pada 2019 yang berperanan sebagai Special Purpose Vehicle (SPV) untuk memperkasa penglibatan Bumiputera dalam sektor perkayuan. Selain membangunkan ekosistem industri perkayuan, CTCS turut menyokong usahawan Bumiputera dalam membantu untuk mendapatkan kontrak kerja, membangunkan vendor dan produk, serta menjalankan pemasaran melalui pameran fizikal, digital, dan media sosial. CTCS juga bertindak untuk membantu memastikan produk berasaskan kayu memenuhi piawaian kualiti melalui perkhidmatan Khidmat Verifikasi Kayu (TVS) yang disediakan MTIB.

Dalam ucapannya, YB Menteri menekankan kepentingan industri perkayuan sebagai salah satu penyumbang utama dalam sektor agrikomoditi negara. Pihak Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sentiasa komited dalam meningkatkan daya saing dan penglibatan Bumiputera dalam industri ini. Sehingga bulan November 2024, sebanyak 830 buah syarikat Bumiputera telah berdaftar dengan industri perkayuan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 buah syarikat telah berjaya menembusi pasaran eksport. Sasaran kita adalah untuk melihat lebih banyak syarikat Bumiputera menembusi pasaran antarabangsa dan terus mengharumkan nama Malaysia sebagai peneraju dalam industri ini.

Perpindahan CTCS ke pejabat baharu dilihat sebagai salah satu langkah memperkasakan usahawan Bumiputera, mencerminkan kemajuan syarikat dalam perkhidmatan yang berdaya saing dan lebih cekap. Pengubahsuaian pejabat CTCS ini dilaksanakan sepenuhnya oleh vendor di bawah naungan CTCS sebagai sokongan kepada usahawan tempatan serta melambangkan kecemerlangan industri perkayuan Bumiputera. CTCS turut menghargai sumbangan vendor dalam transformasi ini, dari reka bentuk dalaman hingga ke pemasangan perabot berkualiti.

Selain itu, CTCS juga memperkenalkan CTCS Marketplace, satu platform yang berfungsi sebagai ruang pameran dan jualan yang ditempatkan di ruang galeri pejabat CTCS. Marketplace ini diwujudkan sebagai salah satu inisiatif dalam mempromosikan produk-produk vendor CTCS ke pasaran yang lebih luas. Marketplace ini menampilkan produk mengikut tema yang berbeza setiap tiga bulan, ini memberi peluang kepada lebih ramai

usahawan untuk mempamerkan hasil inovasi mereka. CTCS Marketplace ini akan dibuka kepada pengunjung bermula 23 April 2025, Isnin sehingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Bagi membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada usahawan Bumiputera, CTCS akan menyertai beberapa pameran bertaraf antarabangsa sepanjang tahun ini. Antaranya, Borneo Native Festival (BNF) yang berlangsung pada 23 hingga 25 Mei di Pasar Seni, Kuala Lumpur, dengan penyertaan 16 vendor di bawah naungan CTCS. Selain itu, CTCS akan turut menyertai ARCHIDEX pada 23 hingga 26 Julai di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dan Malaysia Furniture Furnishings Market (MFFM) pada 4 hingga 6 September di World Trade Center (WTC), sebagai usaha berterusan untuk memperkasakan jenama dan produk usahawan tempatan di peringkat lebih tinggi.

Adalah diharapkan agar peranan CTCS sebagai anchor dalam rundingan dan perolehan kontrak kerajaan akan terus diperkukuhkan dan membuka lebih banyak peluang kepada usahawan Bumiputera dalam sektor perkayuan untuk terus berdaya saing.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
22 APRIL 2025